



GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN PINJAMAN DANA PENGKOMERSILAN UPSI

GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN PINJAMAN DANA PENGKOMERSILAN UPSI

1. LATAR BELAKANG

Pengkomersilan produk hasil daripada inovasi kakitangan Akademik UPSI merupakan salah satu daripada *Key Performance Indication* (KPI) universiti yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2019, aktiviti pengkomersilan produk masih bergerak perlahan dan KPI yang ditetapkan masih belum dapat dicapai dengan cemerlangnya.

Pada tahun 2019, UPSI telah memberikan peruntukan dana sebanyak RM500,000.00 kepada pihak RMIC.

Oleh yang demikian, pihak RMIC telah mencadangkan pembiayaan pinjaman dana pengkomersilan ditawarkan kepada Kakitangan UPSI yang bertujuan untuk meningkatkan jaringan kolaborasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan sektor Industri dan menyediakan kemudahan bagi mewujudkan *spin off company*.

2. OBJEKTIF GERAN INOVASI PENDIDIKAN

- i. Menampung jurang pembiayaan (*funding gap*) dalam pembangunan sesuatu inovasi dan teknologi dari tahap *proof of concepts* kepada satu menghasilkan produk atau perkhidmatan yang boleh menarik minat sektor industri atau pelabur.
- ii. Membantu projek berasaskan teknologi dan/ atau perkhidmatan untuk menubuhkan Syarikat Terbitan Universiti (STU).

3. KEUTAMAAN DANA PENGKOMERSILAN

Perkara yang diberi keutamaan dalam pembiayaan dana ini adalah:

- i. Pembangunan produk daripada skala-makmal kepada skala-industri.
- ii. Menaiktaraf prototaip bagi tujuan pengujian atau penilaian sesuai dengan kehendak pasaran.
- iii. Penghasilan produk secara banyak (*mass production*) di atas permintaan pihak yang berminat untuk membeli.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Terbuka kepada semua kakitangan UPSI bertaraf TETAP.
- ii. Terbuka kepada semua hasil ciptaan kakitangan akademik dan bukan akademik UPSI dengan tempoh masa maksimum sehingga 2 tahun. Melalui inisiatif geran ini, diharap dapat menyumbang kepada industri negara.
- iii. Produk/ perkhidmatan yang dikomersilkan perlu memohon/ mendapatkan perlindungan hak milik harta intelek yang diproses melalui PPPI.
- iv. Produk/ perkhidmatan yang telah tersedia untuk dikomersilkan beserta dengan kertas konsep perniagaan.
- v. Pemohon perlu melengkapkan borang Permohonan Dana Pengkomersilan UPSI.

- vi. Hasil jualan pengkomersilan perlulah dikreditkan ke kod projek pengkomersilan yang telah didaftarkan.
- vii. Permohonan dibuka sepanjang tahun.

5. KRITERIA PENILAIAN DAN KELAYAKAN PROJEK

- i. Projek yang dicadangkan mestilah mempunyai unsur-unsur teknologi dan inovasi bagi tujuan pengkomersilan dan perkhidmatan.
- ii. Projek tersebut mestilah telah mempunyai prototaip/ proses/ perkhidmatan yang disokong oleh *Proof of Concept*.
- iii. Sesuatu produk atau perkhidmatan yang ingin mendapatkan pembiayaan ini perlu mempunyai kriteria seperti berikut:
 - a. Inovasi sains/ teknologi - Kertas cadangan projek mestilah mempunyaiciri-ciri keunikan dan novelti tempatan dalam aspek teknologi/ produk/ perkhidmatan. Pemohon perlu melaksanakan *due diligence* untuk memastikan teknologi/ produk/ perkhidmatan yang boleh berdaya saing di pasaran dan boleh dilindungi di bawah Akta Harta Intelek.
 - b. Harta intelek – Produk/ teknologi/ perkhidmatan mempunyai asas teknologi dan telah mendaftar perlindungan hak harta intelek yang kukuh.
 - c. Kebolehlaksanaan Teknikal – Permohonan akan dinilai berdasarkan kebolehan pemohon untuk melaksanakan projek dengan jayanya dalam jangka masa yang ditetapkan.
 - d. Kekuatan kumpulan – Anggota kumpulan mestilah ahli-ahli yang kompeten daripada aspek teknikal dan pengkomersilan.
 - e. Peluang perniagaan – Projek yang mempunyai potensi untuk dikomersilkan dan mempunyai prospek pertumbuhan yang jelas.
 - f. Perancangan kos projek – Perancangan yang terperinci bagi kos projek hendaklah disertakan. Pembelian peralatan dan perolehan sebarang perkhidmatan perlu disertakan dokumen untuk kelulusan panel penilai GPKU.
 - g. Projek yang telah mendapat pembiayaan daripada agensi luar atau rakan kongsi yang menunjukkan kemampuan untuk bekerjasama dalam pembangunan produk dan pembiayaan.
 - h. Keutamaan diberikan kepada para pencipta (investor) yang telah mempunyai rakan kongsi dan telah diperakukan oleh JKPPIU.
 - i. Pengkomersilan melalui Syarikat Terbitan Universiti (STU) atau UPSI Holdings.

6. TEMPOH BAYARAN BALIK

Tempoh bayaran balik bagi minimum enam (6) bulan atau sehingga produk berjaya dikomersilkan dan maksimum 24 bulan.

- i. Kaedah bayaran balik adalah selepas tiga (3) bulan daripada tarikh dana diluluskan. (tertakluk pada budi bicara Jawatankuasa yang terlibat).
- ii. Jadual pembayaran balik seperti berikut:

	6 BULAN	12 BULAN	18 BULAN	24 BULAN
RM 5,000	RM 834	RM 417	RM 278	RM 209
RM 10,000	RM 1,667	RM 834	RM 556	RM 417
RM 15,000	RM 2,500	RM 1,250	RM 834	RM 625
RM 20,000	RM 3,334	RM 1,667	RM 1,112	RM 834
RM 50,000	RM 8,334	RM 4,167	RM 2,778	RM 2,083

- iii. Penalti akan dikenakan mengikut keputusan panel penilai bagi pembayaran yang melebihi tempoh bayaran balik yang dipersetujui.

7. SKOP PEMBIAYAAN

Pembiayaan dana yang dipohon mestilah bersesuaian dengan perancangan projek dan disertakan dengan justifikasi yang munasabah. Jawatankuasa Perundingan, Pengkomersilan dan Inovasi Universiti (JKPPIU) berhak untuk menentukan jumlah sebenar yang akan diluluskan mengikut perakuan Vot Perbelanjaan.

8. IMPLIKASI KEWANGAN

Peruntukan Geran Inovasi Pendidikan ini menggunakan kewangan Akaun Inovasi dan Pengkomersilan di bawah RMIC.

9. BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN

- Seperti di **Lampiran A**

10. CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PINJAMAN

- Seperti di **Lampiran B**